

Hidup ikut kemampuan, kata Dr M

30 MAR 1985

ALOR STAR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat termasuk pegawai-pegawai kerajaan supaya bersikap 'hidup mengikut kemampuan'.

Menurutnya, sikap ini penting bagi meningkatkan daya pengeluaran masing-masing supaya dapat menikmati masa depan yang lebih baik dan selesa.

Perdana Menteri memberi peringatan ini di majlis

taklimat pembangunan Kedah dan pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan di Wisma Negeri di sini pagi ini.

Beliau juga menyeru mereka supaya meningkatkan daya pengeluaran bagi membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai projek yang dikehendaki dari masa ke masa.

"Semua pegawai kerajaan dan pemimpin politik perlu ingat bahawa kita mempunyai punca kewangan yang terhad untuk melaksanakan pel-

bagai projek," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, kemampuan kerajaan bergantung kepada kekayaan yang ada hasil daya pengeluaran di pelbagai bidang.

Menurutnya, industri-industri dan perniagaan-perniagaan kerajaan adalah antara bidang yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah dan kebanyakannya mengalami kerugian.

"Ia bukan disebabkan tidak cukup modal atau pasaran, tetapi tahap pengurusan yang rendah," tegasnya.

Kecekapan

Katanya, sikap ke-banyakan pegawai kerajaan bukanlah untuk membuat wang atau mendapatkan hasil, sebaliknya membelanjakan seberapa banyak wang untuk pelbagai projek.

Beliau berharap, pegawai-pegawai kerajaan akan meningkatkan kecekapan di bidang pengurusan bagi memastikan daya pengeluaran mereka juga meningkat.

Perdana Menteri juga berharap mereka akan mempunyai kesedaran dan tanggungjawab untuk menggunakan wang dengan sebaik-baiknya bagi menghasilkan faedah yang banyak.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahu mereka membuat perbelanjaan sama ada untuk kehidupan harian mereka atau rasmi mengikut kemampuan yang ada.

Selain itu beliau juga mengingatkan pegawai-pegawai kerajaan terhadap amalan-amalan yang disarankan seperti pemakaian tanda nama, kepemimpinan melalui teladan dan kebersihan.

Katanya, pegawai-pegawai kerajaan perlu mengambil daya usaha memastikan kebersihan dijaga bagi menjamin kesejahteraan hidup dan menarik pelancong-pelancong.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang untuk menjaga kebersihan dan mencantikan kawasan pejabat, kediaman dan tempat awam di negara ini.